



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

3 NOVEMBER 2020

1. Tangkap 300 ekor ternakan setiap bulan
2. Masuk Taman Kucing percuma
3. Rumah kucing jalanan

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN PENILAIAN VETERINAR
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**



ANTARA ternakan yang ditangkap MDBG di kawasan pentadbirannya.

Tangkap 300 ekor ternakan setiap bulan

BATU GAJAH – Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) menangkap secara purata 300 ternakan seperti lembu, kerbau dan kambing berkeliaran setiap bulan yang menimbulkan rasa tidak senang penduduk.

MDBG dalam satu kenyataan semalam berkata, tindakan itu dilakukan dalam operasi bersepadu setiap bulan bermula 2017 hingga September 2020.

Katanya, masalah itu berpunca sikap penternak yang tidak mengawal haiwan mereka daripada berkeliaran.

“Masalah ini boleh ditangani dengan menyediakan kawasan penternakan atau padang ragut khas bagi penternak menjalankan aktiviti mereka,” katanya.

Menurut kenyataan, isu haiwan ternakan berkeliaran di kawasan pentadbiran MDBG sebenarnya bukan isu baharu.

Bagaimanapun katanya, sejak kebelakangan ini, banyak ternakan berkeliaran selepas kawasan sekeliling membangun dengan projek perumahan dan perindustrian.

“Kepesatan pembangunan menjadikan kawasan sekeliling yang dahulunya semak kini membangun dan penternak tiada kawasan untuk melepaskan ternakan mereka.

“Penyelesaian kepada masalah ini secara menang-menang antara penternak dan komuniti setempat merupakan agenda utama MDBG,” katanya.

Masuk Taman Kucing percuma

DUNGUN – Majlis Perbandaran Dungun (MPD) mengambil inisiatif membina Taman Kucing sebagai tarikan pelancongan terbaru di Taman Rimba Bukit Bauk di sini.

Taman Kucing itu dibuka untuk kunjungan orang ramai sejak Julai lalu tanpa mengenakan sebarang caj kemasukan.

Yang Dipertua MPD, Lizan Che Mat berkata, taman yang seluas empat hektar itu dilengkapi lima sangkar yang mampu memuatkan 150 ekor kucing pada satu masa.

“Setakat ini, Taman Kucing menempatkan 30 kucing jalanan yang pernah diselamatkan dalam operasi dijalankan MPD.

“Inisiatif membuka taman ini diambil selepas lapan tahun MPD berusaha menyelamatkan kucing-kucing terbiar di daerah ini,” katanya selepas melawat Taman Kucing di sini semalam.

Lizan berkata, sebelum ini, kucing-kucing terbiar yang dipungut di kawasan pasar dan tempat awam di sekitar daerah ini ditempatkan di Teluk Lipat di sini, namun sekarang dipelihara di Taman Kucing yang jauh lebih selesa.

“Lima sangkar yang terdapat di taman ini dibahagikan kepada kategori wad rawatan ibu dan anak, wad keluarga bahagia, unit pemulihan, unit rawatan rapi dan unit kucing bahagia.



LIZAN (kiri) memeriksa seekor kucing di Taman Kucing, Taman Rimba Bukit Bauk, Dungun semalam.

“Pembahagian sangkar itu mengikut tahap kesihatan kucing. MPD juga mengalu-alukan sumbangan orang ramai dalam bentuk makanan, ubat-ubatan dan wang tunai untuk perbelanjaan kucing,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Veterinar Terengganu, Dr. Mohd. Termizi Ghazali berkata, pihak-

nya menjalin kerjasama dengan MPD dalam memberikan rawatan dan perubatan kepada kucing di taman tersebut secara berkala.

“Kami juga akan memberikan kursus kepada kakitangan taman ini berhubung kerja-kerja sampingan seperti memberikan ubat cacing dan rawatan kurap,” katanya.

lokal

Dungun

Taman Rimba Bukit Baik, di sini, yang sinonim sebagai pusat riadah dan aktiviti pendakian kini mempunyai satu lagi daya tarikan baharu kepada pengunjung iaitu Taman Kucing Dungun.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Dungun (MPD), Lizan Che Mat berkata, ketika ini sebanyak 30 kucing sepanjang operasi MPD di pasar, kedai makan dan tempat awam lain ditempatkan di Taman Kucing Dungun untuk dirawat.

"Taman Kucing Dungun adalah satu inisiatif kami untuk memastikan kawasan tumpuan awam bebas daripada gangguan kucing jalanan dan pada masa sama memastikan haiwan ini terjaga.

"Inisiatif ini sudah dimulakan pada 2012 di Teluk Lipat dekat Sura, namun lokasi itu tidak lagi sesuai untuk penempatan Taman Kucing Dungun ini.

"Sebab itu kita pindahkan ke Taman Rimba Bukit Baik pada Julai lalu kerana kawasan ini lebih sesuai sekali gus menjadi satu lagi destinasi pilihan bagi pencinta kucing," katanya ketika ditemui pemberita, di sini, semalam.

Terdapat lima sangkar pengasingan disediakan mengikut kategori kesihatan haiwan iaitu Unit Rawatan Rapi, Unit Pemulihan, Unit Kucing Bahagia, Wad Keluarga Bahagia serta Wad

RUMAH BAHARU KUCING JALANAN

Taman Kucing Dungun lokasi khas pastikan si bulus dijumpai berkeliaran terjaga

Rawatan Ibu dan Anak. Mengulas lanjut, Lizan berkata, Taman Kucing Dungun itu mampu memuatkan 150 kucing pada satu-satu masa yang dikendalikan dua kakitangan MPD, ketika ini.

"Setakat ini, tiada sebarang bayaran masuk dikenakan

kepada pelancong, malah kawasan ini juga sesuai dijadikan pusat rekreasi untuk keluarga yang cintakan alam semula jadi.

"Kami juga amat menggalakkan pengunjung untuk menyumbang makanan, ubat-ubatan, peralatan dan



sumber kewangan untuk menampung keperluan kucing tersebut," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu, Dr. Mohd Termizi Ghazali berkata, pihaknya akan memberi rawatan perubatan dan pemeriksaan kesihatan secara berkala di Taman Kucing Dungun.

"Kita juga akan memberi kursus kepada kakitangan MPD yang bertanggungjawab menjaga taman kucing ini agar mereka boleh menjaga haiwan ini dengan baik terutama dari segi pemberian vitamin dan rutin penjagaan kebersihan harian.

"Kakitangan JPV Terengganu akan bertugas mengikut giliran yang ditetapkan supaya semua kucing terbiar ini kembali sihat dan comel seperti kucing peliharaan," katanya.

Seorang pengunjung, Aidie Amin Yatim, 39, berkata dia berkunjung ke Taman Kucing Dungun itu selepas berita mengenai tular di media sosial, sejak dua hari lalu.

"Saya memang pencinta kucing dan ada memelihara dua ekor di rumah... bila saya tunjuk gambar taman ini kepada anak-anak, mereka teruja mahu datang dan membelai sendiri kucing jalanan ini.

"Insha-Allah saya akan datang lagi pada masa akan datang kerana belaian kucing ini adalah satu terapi untuk kami sekeluarga," katanya yang tinggal di Paka. - Bernama



Kuala Terengganu: Pengusaha pelancongan di Tasik Kenyir, Kuala Berang berdepan kerugian lebih RM1 juta apabila tempahan rumah bot dan bot laju dibatalkan berikutan gelombang ketiga penularan Covid-19 sejak awal bulan lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan dan Teknologi Maklumat negeri, Ariffin Deraman berkata, kerajaan negeri akan bekerjasama dengan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah) bagi membantu mereka.

Menurutnya, ia termasuk mempromosikan pelancongan di tasik buatan manusia yang merudum susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Lembah Klang.

Katanya, kerajaan negeri akan merangka inisiatif dan menyusun strategi dalam usaha membantu industri pelancongan di negeri itu yang terjejas akibat pandemik tersebut.

"Saya difahamkan Ketengah ada menyalurkan bantuan kewangan bagi meringankan

Pengusaha pelancongan di Tasik Kenyir terjejas

beban terpaksa ditanggung pengusaha pelancongan termasuk pengusaha rumah bot, bot laju dan peniaga selepas kerajaan melonggarkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Kerajaan negeri mengakui bantuan kepada pengusaha pelancongan yang terjejas berikutan penuluran gelombang ketiga Covid-19 belum disalurkan.

"Bagaimanapun, kita membuat promosi pelbagai produk yang terdapat di tasik buatan manusia itu secara berterusan bagi menarik kedatangan pelancong," katanya ketika dihubungi, semalam.

Ariffin yang juga Ahli Dewan Undangan negeri (Adun) Alor Limbat berkata demikian bagi

mengulas keresahan 75 pengusaha pelancongan di Tasik Kenyir terbabit.

Mengulas lanjut, Ariffin berkata, kerajaan negeri dalam usaha menarik pelancong dan pelancong tempatan dari Kelantan dan Pahang serta negeri yang tidak berisiko untuk ke Tasik Kenyir.

Katanya, isu kemerosotan kedatangan pelancong ke negeri ini bukan hanya membabitkan pengusaha pelancong di Tasik Kenyir, tetapi turut menjejaskan sektor pelancongan lain termasuk perhotelan.

"Pembatalan penginapan di saat akhir turut dialami pengusaha hotel terutama susulan pelaksanaan PKPB di Lembah Klang," katanya.

"Kerajaan negeri akan bekerjasama dengan Ketengah bagi membantu mereka"
Ariffin





PELBAGAI promosi produk yang terdapat di Faski Kenyar dibuat secara berterusan bagi menarik kedatangan-pelancong.

Pemain industri di bawah Matta tanggung rugi RM2 juta

Seremban: Kira-kira 95 peratus pemain industri pelancongan yang bernaung di bawah Persatuan Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (Matta) Cawangan Negeri Sembilan terpaksa menanggung kerugian lebih RM2 juta berikutan pembatalan tempahan dan perkhidmatan akibat pandemik Covid-19.

Pengerusi Matta Negeri Sembilan Lee Fook Moi berkata, kerugian itu membabitkan pembatalan perkhidmatan bagi tempoh antara September hingga Disember 2020.

Katanya, pembatalan perkhidmatan itu kebanyakannya membabitkan aktiviti pengangkutan, penginapan homestay, hotel dan resort serta pengembaraan di Semenanjung, Sabah serta Sarawak.



"Berbanding pada Mac hingga Julai, tiada tempahan diterima kerana sekatan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan, bagaimanapun sejak Ogos iaitu ketika Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), ahli Matta mula menerima tempahan bagi pelbagai perkhidmatan.

"Bagaimanapun

Seramai 100 pengusaha yang juga ahli Matta merasai keperitan apabila aktiviti perniagaan hakiki mereka tersekat kesan daripada Covid-19"

Lee Fook Moi

pemulanan wabak Covid-19 yang melanda Sabah selepas Pilihan Raya Negeri (PRN) hingga mewujudkan gelombang ketiga di negara ini menyebabkan semua tempahan bagi perkhidmatan pelancongan dan pengembaraan dibatalkan.

"Seramai 100 pengusaha yang juga ahli Matta merasai keperitan apabila aktiviti perniagaan hakiki

mereka tersekat kesan daripada Covid-19," katanya. Beliau mengulas mengenai nasib dan masa depan usahawan yang bernaung di bawah Matta di negeri ini susulan penularan wabak Covid-19 yang memberi kesan langsung kepada sektor pelancongan.

Mengulas lanjut, Lee berkata, pembatalan tempahan dan perkhidmatan yang mendadak menyebabkan syarikat pelancongan dalam kalangan ahli Matta negeri ini menanggung kerugian besar.

Beliau berkata, sebelum ini pengusaha sektor pelancongan menjadi antara penyumbang terbesar dalam menjana ekonomi negara.

Berikutan itu, katanya, terdapat sebahagian ahli persatuan itu terpaksa beralih arah menceburkan

diri dalam bidang perniagaan lain seperti makanan bagi menjana semula ekonomi.

"Kami (Matta) tidak dapat membantu daripada segi kewangan walaupun ada kalangan usahawan terbabit yang mungkin terpaksa gulung tikar ekoran tidak mampu menampung kos operasi selepas menanggung kerugian besar," katanya.

Menurutnya, bantuan yang berupaya diberikan hanyalah dalam bentuk kursus dan kemahiran tertentu sebagai sokongan moral kepada mereka.

"Namun, Matta Negeri Sembilan amat menghargai sokongan dan bantuan daripada Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan yang sentiasa prihatin dengan impak diterima ahli persatuan ini," katanya.